



RUJ. TUAN :
RUJ. KAMI : KKM87/P1/1/1/3(24)
TARIKH : 24 OGOS 2008

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Semua Pengarah Hospital/ Institusi Perubatan

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BILANGAN 9 TAHUN 2008;
PELAKSANAAN TAHAP KESAKITAN SEBAGAI TANDA *VITAL* KELIMA
(*PAIN AS FIFTH VITAL SIGN*) DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN
KESIHATAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah untuk;
 - 2.1. **memaklumkan** justifikasi serta pelaksanaan langkah-langkah memperkukuhkan perkhidmatan rawatan kesakitan di Kementerian Kesihatan serta
 - 2.2. menggariskan **tindakan yang perlu diambil** di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan Hospital/ Institusi Perubatan bagi pelaksanaan dasar tahap kesakitan sebagai tanda *vital* kelima (*pain as fifth vital sign*).

3. Pekeliling ini dikeluarkan susulan daripada keputusan Mesyuarat Khas Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 1 tahun 2008. Sebagaimana yang telah diputuskan, skor kesakitan harus dipantau pada setiap pesakit bersama-sama dengan tanda *vital* lain iaitu suhu, tekanan darah, kadar nadi dan kadar pernafasan.
4. Bersama-sama surat pekeling ini, disertakan panduan mengenai tindakan yang perlu diambil bagi melaksanakan dasar ini oleh;
 - 4.1. setiap Jabatan Kesihatan Negeri
 - 4.2. semua Pengarah Hospital/ Institusi Perubatan pelbagai kategori
 - 4.3. Jawatankuasa Kerja Kebangsaan bagi Pelaksanaan Tahap Kesakitan sebagai Tanda Vital Kelima
 - 4.4. Pasukan Pelaksana Peringkat Negeri
5. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan dan **semua Pengarah Kesihatan Negeri** diminta untuk memantau pelaksanaan dan laporan tahunan hendaklah dikemukakan mengikut format seperti dalam lampiran V.
6. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan pekeling ini boleh dikemukakan kepada;

Unit Perkhidmatan Pembedahan dan Kecemasan,

Bahagian Perkembangan Perubatan

Aras 5, Blok E1, Parcel E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya

0388833888, 0388831155 (fax)

Kerjasama pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, amat dihargai di dalam membantu usaha Kementerian bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan rawatan kesakitan di negara ini.

Sekian terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Yang ikhlas,



(TAN SRI DATO' SERI DR HJ MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Anaesthesia dan Rawatan Rapi
- Semua Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan